



KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA  
Pejabat Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif  
(Pembangunan Organisasi & Perancangan Strategik)  
Tingkat 25, Bangunan KWSP  
JALAN RAJA LAUT  
50350 KUALA LUMPUR

Tel : 603 - 2693 4189  
Fax : 603 - 2694 9572  
E-mel : rosma@epf.gov.my

Ruj.Tuan :

Ruj.Kami : 15/2/2-0635-1

Tarikh : Mac 2007

YBhg. Dato' Nadzim Johan  
Setiausaha Kerja  
Persatuan Pengguna Islam Malaysia  
70X, Jalan Keramat Hujung  
54000 Bukit Keramat  
**KUALA LUMPUR**

YBhg Dato',

#### **PELABURAN KWSP BERASASKAN SYARIAH**

Dengan segala hormatnya ingin saya merujuk kepada isu pelaburan KWSP berasaskan syariah yang dibangkitkan oleh Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM).

2. KWSP ingin mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan PPIM terhadap isu pelaburan KWSP. KWSP ingin menjelaskan dengan ringkas mengenai aktiviti pelaburannya. Secara umumnya, pelaburan KWSP tidak semuanya mematuhi syariah. Pelaburan KWSP yang terbesar adalah dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia iaitu pelaburan berasaskan faedah yang tidak mematuhi syariah kerana faedah adalah riba'. Kategori berikutnya ialah pinjaman korporat yang sesetengahnya halal dan ada yang berasaskan faedah tetap.

3. Pelaburan dalam Instrumen Pasaran Wang juga adalah berasaskan faedah tetap dan tidak mematuhi syariah. Pelaburan berikutnya ialah pelaburan ekuiti iaitu ada yang mematuhi syariah dan ada yang tidak. Bagaimanapun, KWSP tidak lagi membeli saham baru syarikat perjudian. Saham-saham lama syarikat perjudian yang masih dipegang KWSP hanya menunggu masa untuk dijual tanpa memberikan kerugian. Pelaburan dalam hartanah pula adalah mematuhi syariah.

4. Untuk makluman YBhg. Dato', pencarum KWSP tidak semuanya beragama Islam menyebabkan pelaburan KWSP bercampur-campur. Bagaimanapun, KWSP memandang serius mengenai masalah berhubung dengan pelaburan pencarum beragama Islam. KWSP tidak berupaya melaburkan simpanan ahli beragama Islam ini dalam instrumen pelaburan yang 100 peratus mematuhi syariah kerana kekurangan instrumen tersebut di pasaran. Jumlah dana pencarum beragama Islam dianggarkan melebihi RM100 bilion dan pada masa ini tidak terdapat instrumen pelaburan Islamik untuk jumlah dana sebesar itu.

Sekian, terima kasih

Yang benar,



**RUSMA IBRAHIM**

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif

(Pembangunan Organisasi dan Perancangan Strategik)